

6. Bolehkah hibah ditarik balik atau dibatalkan?

Menurut pendapat mazhab Syafie, Hanbali dan sebahagian fuqaha mazhab Maliki, penarikan balik hibah boleh berlaku dengan semata-mata ijab dan kabul. Tetapi apabila disertakan dengan penyerahan dan penerimaan barang (*al-qabd*) maka hibah berkenaan tidak boleh ditarik balik kecuali hibah yang dibuat oleh bapa (termasuk juga ibu, datuk, nenek dan usul yang lain) kepada anak-anaknya selama harta itu tidak ada kaitan dengan orang lain (telah diserahkan atau dijual kepada orang lain).

7. Berapakah kadar harta yang boleh dihibahkan?

Tiada kadar atau had tertentu bagi harta yang hendak dihibahkan kerana harta tersebut merupakan milik pemberi hibah. Terpulang kepada pemberi hibah untuk membuat pertimbangan kadar harta yang ingin dihibahkan.

8. Siapakah yang boleh membuat permohonan pengesahan hibah di Mahkamah?

Permohonan pengesahan hibah boleh dibuat sama ada oleh penerima hibah atau ahli waris mereka, atau mana-mana pihak yang berkaitan dengan hibah tersebut.

9. Apakah maklumat-maklumat yang diperlukan bagi kes permohonan pengesahan hibah?

Maklumat penting yang diperlukan bagi permohonan pengesahan hibah adalah seperti yang berikut :

- (a) butir-butir harta / barang yang dihibahkan;
- (b) maklumat pemberi hibah;
- (c) maklumat penerima hibah;
- (d) butir-butir / maklumat akad hibah dilakukan;
- (e) maklumat penerimaan (*al-qabd*) hibah.

10. Bolehkah Jabatan Bantuan Guaman memberi bantuan kepada pihak-pihak dalam kes hibah?

Boleh, sekiranya pemohon terdiri daripada orang yang layak dibantu (dari segi sumber kewangan) dan kes tersebut mempunyai merit dengan mengemukakan dokumen dan maklumat berkaitan dengan kes hibah tersebut.

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana Cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman di alamat yang berikut :

IBU PEJABAT
JABATAN BANTUAN GUAMAN
ARAS 1, BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
PRESINT 3, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62692 PUTRAJAYA
NO. TELEFON: 03-88851000
NO. FAKSIMILE: 03-88851829/1830/1831

PORTAL: www.jbg.gov.my
SMS: Taip JBG MENU dan hantar ke 15888

CATATAN:
RISALAH INI ALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS
UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA
BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP
DAN TERPERINCI.



JABATAN BANTUAN GUAMAN
JABATAN PERDANA MENTERI

WASIAT & HIBAH



WASIAT

1. Apakah yang dimaksudkan dengan wasiat?

Wasiat bermaksud:

- memberi pemilikan harta atau manfaat selepas kematian secara sukarela
- suatu pemberian oleh seseorang kepada pihak yang lain sama ada benda, hutang atau manfaat untuk dimiliki oleh penerima wasiat akan pemberian tersebut selepas kematian pewasiat.

Manakala tafsiran "wasiat" menurut Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 berbunyi:

- "wasiat" ertinya iqrar seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan menurut Hukum Syarak, selepas dia mati".

2. Apakah hukum wasiat?

Wajib – jika terdapat tanggungjawab Syarie yang perlu dilaksanakan seperti zakat dan haji dan dia bimbang harta berkenaan habis jika tidak diwasiatkan. Begitu juga, jika berkaitan dengan hutang dan wadiah sekiranya pemilik sebenar tidak dikenali oleh orang lain.

Sunat – jika berwasiat untuk kaum kerabat yang memerlukan sedangkan mereka tidak berhak mendapat harta pusaka. Begitu juga berwasiat kepada orang miskin dan untuk tujuan kebajikan pada jalan Allah.

Harus – jika berwasiat kepada sahabat handai atau orang kaya yang bukan daripada golongan yang berilmu dan beramal soleh.

3. Apakah kelayakan bagi pewasiat?

Kelayakan pewasiat (*musi*) ialah:

- (a) telah mencapai umur 18 tahun;
- (b) sempurna akal;
- (c) sukarela dan tidak dipaksa;
- (d) tidak dihalang menguruskan hartanya; dan
- (e) jika pewasiat sedang sakit, dia hendaklah waras fikiran, baik ingatan dan memahami wasiat yang dibuat.

4. Apakah syarat penerima wasiat?

Penerima wasiat (*musolahu*) hendaklah orang atau kumpulan orang yang:

- (c) boleh menerima harta yang diwasiatkan menurut Hukum Syarak; dan
- (d) jika ditentukan, hendaklah wujud semasa wasiat dibuat dan jika tidak ditentukan, penerima wasiat tidak perlu wujud sama ada wasiat itu dibuat atau semasa pemberi wasiat mati.

5. Apakah jenis harta yang boleh diwasiatkan?

Harta yang boleh diwasiatkan ialah:

- (a) harta alih seperti kenderaan, wang tunai, wang simpanan, barang kemas, syer, insurans, hutang dan lain-lain.
- (b) harta tak alih seperti rumah, tanah, bangunan dan lain-lain.

6. Berapakah kadar harta yang boleh diwasiatkan?

Kadar harta yang boleh diwasiatkan:

- (a) tidak boleh melebihi kadar 1/3 daripada jumlah keseluruhan harta pusaka
- (b) perlu mendapat persetujuan ahli waris selepas meninggal dunia sekiranya melebihi kadar 1/3.

7. Siapakah yang digalakkan untuk berwasiat?

Orang yang digalakkan berwasiat:

- orang yang berharta
- orang yang lanjut usia
- orang yang tidak berkahwin
- orang yang mempunyai anak angkat
- orang yang berhutang
- orang yang tiada waris
- muallaf

8. Siapakah yang boleh membuat permohonan pengesahan wasiat di Mahkamah?

Permohonan pengesahan wasiat boleh dibuat sama ada oleh penerima wasiat atau ahli waris mereka, atau mana-mana pihak yang berkaitan dengan wasiat tersebut.

9. Apakah maklumat-maklumat yang diperlukan bagi kes permohonan pengesahan wasiat?

Maklumat-maklumat penting yang diperlukan adalah seperti yang berikut :

- (a) butir-butir harta / barang yang diwasiatkan;
- (b) maklumat pemberi wasiat;
- (c) maklumat penerima wasiat;
- (d) saksi mailis wasiat.

10. Bolehkah Jabatan Bantuan Guaman memberi bantuan kepada pihak-pihak dalam kes pengesahan wasiat?

Boleh, sekiranya pemohon terdiri daripada orang yang layak dibantu (dari segi sumber kewangan) dan kes tersebut mempunyai merit dengan mengemukakan dokumen dan maklumat berkaitan dengan permohonan tersebut.

HIBAH

1. Apakah yang dimaksudkan dengan hibah?

Hibah bermaksud memberi milik sesuatu kepada orang lain secara sukarela tanpa melibatkan tukaran dan pemberian milik itu dilakukan semasa pemberi tersebut masih hidup.

2. Apakah hukum hibah?

Dari segi hukum, hibah ialah suatu amalan sunat yang digalakkan dalam Islam terutama sekali kepada kaum keluarga terdekat. Amalan ini adalah berdasarkan al-Quran, al-Sunnah dan ijmak. Antara ayat al-Quran yang menggalakkan amalan hibah adalah sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud:

".. dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta dan (memerdekakan) hamba sahaya".
(Surah al-Baqarah ayat 177).

3. Apakah syarat pemberi hibah?

Pemberi hibah hendaklah seorang yang berkeahlian seperti sempurna akal, baligh dan *rushd* (matang dan cerdas). Pemberi hibah juga hendaklah memiliki dan mempunyai kuasa terhadap barang yang dihibahkan.

4. Siapakah yang boleh menerima hibah?

Sesiapa sahaja boleh menjadi penerima hibah (*al-mawhub lahu*) asalkan dia mempunyai keupayaan untuk memiliki harta, sama ada mukalaf atau bukan mukalaf. Sekiranya penerima hibah bukan mukalaf seperti masih belum akil *baligh* atau kurang upaya, hibah boleh diberikan kepada walinya atau pemegang amanah bagi pihaknya.

5. Apakah syarat barang atau harta yang dihibahkan?